

# Rombakan tidak 'ganggu' ekonomi

Oleh ZAREEN HUMAIRAH  
SEJAHAN  
zareen.hs@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggalas tugas besar jika mahu merombak Kabinet kerana individu yang dipilih harus mempunyai imej bersih dan berkebolehan menjalankan tugas.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Kewangan Islam Global (Inceif), Prof. Madya Dr. Baharom Abdul Hamid berkata, kedudukan beberapa anggota Kabinet yang dilihat tidak menunjukkan prestasi sepatutnya hanya melemahkan keyakinan pelabur kepada negara.

“Sudah sampai masanya Periana Menteri melakukan langkah rang wajar dan berani, melihat

kepada pencapaian sebenar serta melakukan rombakan. Pelantikan ini perlu dilihat secara keseluruhan bagi menjamin kestabilan ekonomi.

“Menteri dan timbalan menteri yang lebih banyak menjadi liabiliti kepada Perdana Menteri, negara dan masa depan rakyat, perlu diketepikan.

“Keputusan harus, cepat, tepat dan berdasarkan keperluan serta misi halatuju negara. Ini bukan semata-mata untuk sokongan atau kuota parti,” katanya ketika dihubungi.

Tambah Baharom, ketika ini pemimpin perlu menggembeng tenaga, wadah pemikiran dan tindakan untuk membangkitkan ekonomi negara supaya dapat keluar daripada kesusahan pandemik dan bencana banjir.

“Kita tidak mahu menteri yang gemar publisiti, tidak mampu menggerakkan jentera kecemasan atau asyik memohon maaf selepas kerap melakukan kesilapan,” jelasnya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti City, Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, rombakan Kabinet tidak akan merosakkan ekonomi negara kerana ia bukan perubahan kerajaan.

“Pertukaran juga sudah tentu hanya mengaitkan menteri atau timbalan menteri yang 'bermasalah' serta mempunyai imej buruk dalam kalangan rakyat Malaysia,” katanya.

Setelah hampir lima bulan menerajui kerajaan, Ismail Sabri dijangka melakukan rombakan Kabinet yang dikatakan pada minggu hadapan.